



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 03/2022

## DUNIA FATAMORGANA

18 Jamadil Akhir 1443 H

*Bersamaan*

21 Januari 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ ، مُحَمَّدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ،

وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا،

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Khatib berpesan pada diri sendiri dan menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini diberkati di dunia dan di akhirat. Khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk;

**“Dunia Fatamorgana”.**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Firman Allah SWT dalam Surah al Imran ayat 14:

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ  
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَتَاعُ  
الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَتَابِ ﴿١٤﴾

**Yang bermaksud:**“Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga)”.

Imam Ibn Katsir dalam tafsirnya menyatakan bahawa fitrah manusia untuk menyukai kesenangan-kesenangan, iaitu anak-pinak, harta benda, kenderaan dan binatang ternakan. Namun, Allah SWT juga memberi peringatan bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah bersifat sementara dan kita semua akan dikembalikan kepada-Nya kelak dan sebaik-baik tempat kembali itu ialah syurga-Nya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Manusia yang cinta kepada dunia ini terbahagi kepada dua golongan. **Golongan pertama** menjadikan dunia ini sebagai matlamat utamanya. Fikiran, hati dan perbuatan mereka tertumpu kepada kesenangan duniawi sehingga mereka lupa bahawa tujuan mereka diciptakan di dunia ini ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Mereka tidak memperdulikan sumbernya, dan bagaimana membelanjakannya dan semua ini akan menjadi beban di akhirat kelak. Sabda Rasulullah SAW:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا  
فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

**Maksudnya:** “Tidak akan bergeser kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga dia ditanya tentang umurnya, untuk apa dia habiskan, tentang ilmunya, iaitu apa yang telah dia lakukan dan tentang hartanya, dari mana dia mendapatkannya dan ke mana dia belanjakannya serta berkaitan anggota badannya yang telah digunakan”.

**(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)**

Golongan kedua pula ialah menjadikan dunia sebagai jambatan akhirat. Bagi mereka, semua kesenangan dunia sebagai *wasilah* (jalan) menuju akhirat dan mencapai keredhaan Allah SWT. Mereka inilah memahami dan menghayati firman Allah dalam surat Az-Zariyat, ayat 56:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

**Yang bermaksud:** Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah-Ku.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Alangkah sedihnya, kerana cintakan dunia secara berlebihan, manusia rakus mengejanya tanpa menghiraukan halal, haram termasuklah melakukan penipuan. Mutakhir ini, terlalu banyak berita tentang jenayah penipuan dalam talian terutamanya di media sosial seperti *Facebook, Instagram, Twitter, WhatsApp, Telegram, WeChat* dan sebagainya. Terlalu ramai yang telah menjadi mangsa penipuan dalam talian dan ia telah melibatkan banyak kerugian malahan

juga menyebabkan masalah sampingan seperti masalah mental dan tekanan perasaan. Terdapat beberapa jenis jenayah dalam talian iaitu:

**Pertama**, Penipuan Pelaburan Tidak Wujud

**Kedua**, Penipuan Pinjaman Tidak Wujud

**Ketiga**, *Love Scam* dan *Parcel Scam*

**Keempat**, Macau Scam

**Kelima**, penipuan pembelian dalam talian (e-Belian)

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman, bagi tempoh tiga tahun iaitu dari Januari 2019 hingga Oktober 2021, sebanyak 48 ribu kertas siasatan telah dibuka melibatkan jumlah kerugian melebihi RM1.43 billion.

Jumlah kes tersebut sebagaimana berikut:

1. Penipuan Pembelian Atas Talian sebanyak 17 ribu kes,
2. Pinjaman Tidak Wujud 14 ribu kes,
3. Macau Scam 7 ribu kes,
4. Love Scam/Parcel Scam 4 ribu kes,
5. Pelaburan Tak wujud 3 ribu kes,
6. Dan lain-lain 3 ribu kes.

Kesemua kes di atas bukan terkesan kepada orang awam sahaja, bahkan melibatkan golongan cerdikpandai, professional dan juga para pesara. Justeru berwaspadalah supaya kita tidak menjadi mangsa penipuan tersebut.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ajaran Islam sendiri telah memberi peringatan kepada umatnya agar sentiasa berhati-hati. Rasulullah SAW juga memberi peringatan melalui hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA:

لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرٍ وَاحِدٍ مَرَّتَيْنِ.

**Maksudnya:** “Tidak sepatutnya seorang yang beriman, disengat sebanyak dua kali daripada satu lubang (yang sama)”.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

Khatib ingin berpesan, janganlah kita terlibat melakukan jenayah sebegini atau membantu jenayah dalam talian ini seperti menjadi keldai akaun. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab membantu pihak berkuasa membanteras jenayah siber demi keselamatan bersama.

Mengakhiri khutbah hari ini, khatib ingin merumuskan khutbah kepada beberapa intipati:

**Pertama:** Berwaspadalah dengan pesona dunia yang penuh fatamorgana serta sering melekakan manusia. Janganlah kesenangan dunia ini mengheret kita ke lembah penipuan dan kebinasaan.

**Kedua:** Sesungguhnya dunia ini bukanlah matlamat utama kehidupan tetapi *wasilah* untuk kita mencapai keredhaan Allah SWT.

**Ketiga:** Kita perlu menjadi masyarakat yang bijak bagi mengelakkan kita dari menjadi mangsa kepada jenayah siber.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا وَزِينَتَهَا نُوَفِّ إِلَيْهِمْ أَعْمَلَهُمْ فِيهَا وَهُمْ فِيهَا لَا يُبْخَسُونَ

أُولَئِكَ الَّذِينَ لَيْسَ لَهُمْ فِي الْآخِرَةِ إِلَّا النَّارُ وَحَبِطَ مَا صَنَعُوا فِيهَا وَبِطُلُوتِ

مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

**Maksudnya:** “Sesiapa yang keadaan usahanya semata-mata berkehendakkan kehidupan dunia dan perhiasannya (dengan tidak disaksikan sama oleh al-Quran tentang sah batalnya), maka Kami akan sempurnakan hasil usaha mereka di dunia, dan mereka tidak dikurangkan sedikitpun padanya. Merekalah orang-orang yang tidak ada baginya pada hari akhirat kelak selain daripada azab neraka, dan pada hari itu gugurlah apa yang mereka lakukan di dunia, dan batallah apa yang mereka telah kerjakan”.

(Surah Hud ayat 15-16)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارَكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah selamatkan kami dan seluruh ummah Islam di mana jua mereka berada. Satukanlah persaudaraan dan perpaduan ummat Islam dengan ikatan yang erat dan kukuh. Mantapkanlah iman kami dan teguhkanlah pegangan kami menurut ahli sunnah wal jamaah, peliharakanlah kami dari amalan dan pegangan aqidah yang menyeleweng.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

Ya Allah, bantu dan kasihilah kami dan seluruh ummat Islam dari kesusahan, wabak dan bala bencana. Lenyapkanlah wabak covid 19 dari bumiMu ini Ya Allah.. Ya Rahman.. Ya Rahim..

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.